

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI

KAWASAN : BAGAN SERAI

TARIKH : 10.6.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 102

YB Dr. Noor Azmi Bin Ghazali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah benar Malaysia sudah bersedia menandatangani TPPA berikutan lawatan Presiden Barrack Obama ke Malaysia seperti yang didakwa sesetengah pihak dan adakah rakyat akan diberikan penerangan dan kefahaman yang lebih mendalam lagi sebelum TPPA dipersetujui.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) masih diteruskan. Pada 19-20 Mei 2014 yang lalu, Menteri-Menteri TPP juga telahpun bertemu untuk merundingkan isu-isu yang masih tertunggak di Singapura. Lawatan Presiden Obama ke Malaysia pada bulan April yang lalu tidak memberi kesan dalam mempengaruhi Kerajaan untuk menandatangani atau tidak TPPA.

Sebaliknya YAB Perdana Menteri telah memanfaatkan pertemuan tersebut untuk menyatakan sensitiviti Malaysia dalam isu-isu seperti bumiputra, Syarikat Milik Kerajaan dan lain-lain isu. Di samping itu lawatan tersebut juga memberi peluang kepada Malaysia untuk merundingkan isu-isu tertunggak yang perlu diselesaikan dengan Amerika Syarikat secara dua hala.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI dalam pelbagai format *engagement* mengadakan konsultasi bersama rakyat, pihak-pihak berkepentingan, badan-badan bukan kerajaan, wakil industri, ahli akademik serta lain-lain kumpulan yang berkaitan. Pada tahun 2013 sahaja, MITI telah mengadakan sekurang-kurangnya 56 sesi *engagement* seperti hari terbuka, mesyuarat konsultasi, forum, dialog, untuk menerangkan perkembangan rundingan di samping mendapatkan pandangan rakyat.

Pada tahun 2014 sehingga bulan Mei, sebanyak 16 sesi konsultasi telah diadakan dimana yang terakhir telahpun diadakan di Kota Bharu bersama wakil-wakil Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Persekutuan yang juga termasuk profesion perguruan. Sesi konsultasi akan dipertingkatkan lagi dengan pelbagai kumpulan berkepentingan untuk menerangkan perkembangan rundingan serta memperjelaskan kemusykilan yang mungkin wujud.

Selain itu, di samping TPP Caucus Dewan Rakyat yang telah ditubuhkan pada tahun lepas, Kerajaan juga telah menubuhkan TPP Caucus kepada Dewan Negara dimana perjumpaan pertama juga telah diadakan 15 Mei 2014 yang lalu. TPP Caucus Dewan telah banyak membantu Kerajaan terutamanya dalam menasihati Kerajaan dalam rundingan.